

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (DARI PERAK)

TARIKH: 4 JANUARI 2018

MUKA SURAT: 37

Cubaan lelaki bunuh diri gagal

Bomba berjaya menyelamatkan mangsa berusia 32 tahun itu daripada terjun bangunan



Anggota-bomba bertindak memujuk mangsa dan berjaya menyelamatkannya dari cubaan bunuh diri selepas bergayut di tingkat 12 kondominium itu, semalam.

NOOR'AINON MOHAMED YUSOF

IPOH - Tindakan pantas pasukan bomba berjaya menyelamatkan seorang lelaki daripada cubaan membunuh diri di sebuah kondominium, Jalan Raja Dihilir, di sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 7.20 pagi, lelaki berusia 32 tahun itu bertindak berdiri di tingkat 12 kondominium berkenaan setelah dipercayai mengalami kegagalan dalam percintaan.

Anggota bomba mengambil masa kira-kira 20

INFO
● Bomba ambil masa 20 minit untuk pujuk lelaki berkenaan

minit untuk memujuk lelaki berkenaan bagi membatalkan niatnya terjun dari bangunan terbabit walaupun pada awalnya lelaki itu bertindak agresif.

Ketua Polis Daerah Ipoh, Asisten Komisioner Mohd Ali Tamby berkata, lelaki itu bagaimanapun berjaya diselamatkan setelah cuba

bergayut di atas tiang piring pemancar televisyen di tingkat berkenaan.

"Pasukan bomba dipanggil untuk menyelamatkan mangsa.

"Mangsa kemudiannya telah dihantar ke Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) dan dia disahkan berada dalam keadaan stabil," katanya.

Beliau berkata, ahli keluarganya mendedahkan mangsa mengalami kegagalan dalam percintaan.

Bagaimanapun, katanya, kes masih dalam siasatan.